

**HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI (EQ) DAN DENGAN PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR FAKULTI SAINS KESIHATAN DAN PERUBATAN
UITM JALAN OTHMAN, PETALING JAYA**

OLEH

**Hj. Abdul Hamid Bin Kamarudin (Ketua)
Datin Ruhani Ibrahim
Puan Lim Heng Moh**

Fakulti Sains Kesihatan, UiTM

2004

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahrahmatNya kami telah dapat menyiapkan Penyelidikan ini bertajuk Perkaitan antara kecerdasan emosi (EQ) dengan pencapaian akademik pelajar Fakulti Sains Kesihatan dan Perubatan, UiTM Jalan Othman, Petaling Jaya Selangor.

Ucapan terima kasih kami ditujukan kepada Dekan Fakulti Sains Kesihatan,UiTM Prof. Dr. Abdul Rahim Mohd Nor yang telah memberi sokongan kepada kami di dalam mejayakan projek penyelidikan ini . Pihak Dekan juga telah memberi kelulusan kepada kami untuk membuat kaji selidik di kalangan pelajar Fakulti Sains Kesihatan dan Perubatan disamping menggunakan keputusan pelajar bagi mengetahui pencapaian pelajar dalam kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC),UiTM 40450 Shah Alam yang telah meluluskan geran penyelidikan ini.

Selain daripada itu ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua rakan-rakan dan kakitangan Fakulti Sains Kesihatan yang telah memberi sokongan dan galakkan kepada kami untuk menjayakan projek penyelidikan ini.

Kepada yang namanya tidak dicatatkan dalam ini kami ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih, kerana tanpa anda semua penyelidikan ini tidak dapat dihasilkan dan disempurnakan dengan jayanya.

Sekian.

Yang benar

Hj. Abdul Hamid Kamarudin (Ketua penyelidik)
Datin Ruhani bt Ibrahim
Puan Lim Heng Moh,
Fakulti Sains Kesihatan , UiTM Jalan Othman,
Petaling Jaya, Selangor.

5 Oktober 2004

ABTRAK

HUBUNGAN DI ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR FAKULTI SAINS KESIHATAN DAN PERUBATAN UiTM

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara kecerdasan emosi (EQ) dengan pencapaian akademik pelajar Fakulti Sains Kesihatan dan Prubatan UiTM Jalan Othman Petaling Jaya, Selangor. Seramai 280 orang pelajar menilai EQ pesyarah dan setiap pelajar menilai lima orang pensyarah. Kesemua pensyarah dinilai adalah seramai 1052 orang. Soal selidik Bar-On EQ 360 digunakan bagi menilai EQ pensyarah sementara pencapaian akademik pelajar di ambil dari keputusan semester pelajar. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara EQ dengan pencapaian akademik pelajar . Terdapat kompetensi EQ iaitu hubungan interpersonal yang paling menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian juga mendapati beberapa hambatan kepada pelajar dalam yang perlu diperbaiki atau dikikis untuk mencapai prestasi cemerlang sesuai dengan hasrat UiTM untuk menjadi universiti bertaraf dunia.

| Perkara | m.s |
|-------------------------------------|-----|
| Penghargaan | ii |
| Abtrak | iii |
| Abstract | iv |
| Kandungan | v |
| Jadual-jadual | vi |
| Daftar istilah | vii |
| BAB 1 - Pengenalan | 8 |
| Pendahuluan | 8 |
| Emosi | 9 |
| Kecerdasan | 10 |
| Faktor yang mempengaruhi kecerdasan | 12 |
| Kecerdasan emosi (EQ) | 13 |
| EQ dan kecerdasan minda (IQ) | 16 |
| Proses EQ | 18 |
| Ketrampilan pengendalian emosi | 19 |
| Ketrampilan untuk bertingkah laku | 20 |
| Permasalahan kajian | 21 |
| Kerangka Teoritikal kajian | 26 |
| Hipotesis kajian | 26 |
| Tujuan kajian | 26 |
| Kepentingan kajian | 27 |
| Rumusan | 30 |
| BAB 2 - Kajian lepas | 31 |
| Pendahuluan | 31 |
| Teori intelektual | 31 |
| Teori-teori EQ | 33 |
| EQ menurut Goleman | 34 |
| EQ menurut Salovey | 38 |
| EQ menurut Bar-On | 39 |
| EQ dengan pencapaian akademik | 43 |
| Rumusan | |
| BAB 3 Kaedah Kajian | 46 |
| Pendahuluan | 46 |
| Reka bentuk kajian | 46 |
| Tempat kajian | 46 |
| Responden kajian | 47 |
| Pencapaian akademik | 47 |
| Alat kajian | 49 |
| Borang biodata | 49 |
| Alat ukur EQ 360- Bar-On | 49 |

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Emosi itu penting. Menurut pelbagai bukti, perasaan adalah sumber daya terkuat yang kita miliki. Emosi adalah garis-garis kehidupan untuk kesedaran diri dan keselamatan diri yang menghubungkan kita dan orang lain dengan kuat di dalam persekitaran dan kosmos. Emosi memberitahu kita tentang hal-hal penting untuk manusia seperti masyarakat, nilai-nilai, kegiatan dan keperluan yang memberi kita motivasi, kemahuan, pengendalian diri dan kesungguhan dalam melakukan sesuatu aktiviti. Kesedaran dan pengetahuan tentang emosi berlaku memungkinkan kita memulihkan kehidupan dan kesihatan diri, menyelamatkan keluarga yang dibina, membangunkan hubungan kasih sayang yang berkekalan dan kejayaan dalam bidang pekerjaan.

Sejak awal tahun sembilan puluhan masehi, kajian mengenai peranan emosi dalam kehidupan telah banyak dilakukan oleh para pengkaji dalam bidang ini. Dukungan yang kuat terhadap pentingnya perasaan dalam kecerdasan atau kecerdasan emosi; dan kesihatan telah banyak dikaji dengan terbitnya berbagai buku popular terhadap kajian bidang ini.

Di dalam Falsafah Pendidikan Negara kita, aspek emosi ditekankan selain dari aspek jasmani, ruhani dan intelektual untuk melahirkan warga Negara Malaysia yang saimbang dan sihat bagi mencapai matlamat wawasan 2020.

'Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah perkembangan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang saimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab dan keupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara'.- Kem. Pendidikan 1987